

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**23 FEBRUARI 2021**

---

- 1. PELANTIKAN DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD, DATUK BANDAR SEBERANG PERAI SEBAGAI PENASIHAT KEPADA GLOBAL EXECUTIVE COMMITTEE (GEXCOM) ICLEI BAGI PORTFOLIO THE CLIMATE ACTION AND LOW EMISSION DEVELOPMENT**

Sukacita dimaklumkan pada 17 Februari 2021, **Secretary General of ICLEI**, Encik Gino Van Begin telah membuat pengumuman pelantikan Yang Berbahagia Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud, Datuk Bandar Seberang Perai sebagai Penasihat kepada **Global Executive Committee (GEXCOM) ICLEI** bagi **Portfolio The Climate Action And Low Emission Development** bermula tahun 2021 hingga 2024. MBSP mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semua Ahli Majlis, Wira Oren, Warga MBSP dan seluruh warga Seberang Perai di atas segala usaha -usaha yang telah dilaksanakan khususnya dalam menanggani isu perubahan

iklim sehingga Seberang Perai berjaya dilantik menerajui salah satu portfolio GEXCOM untuk kebaikan sejagat.

## **2. PENARAFAN TIGA BINTANG BAGI PERSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S)**

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengekalkan Persijilan Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti (5S) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Audit Persijilan Semula yang telah diadakan pada 22 Disember 2020 yang lalu. Makluman daripada pihak MPC, MBSP berjaya mengekalkan prestasi dengan mendapat Penarafan Tiga Bintang (Tiga Bintang adalah rating tertinggi dalam pengauditan 5S).

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Majlis, Pihak Pengurusan, Seluruh Jawatankuasa 5S dan kakitangan MBSP atas komitmen serta sokongan yang telah diberikan dalam melaksana budaya kerja yang berkualiti di MBSP.

### **3. TARIKH AKHIR PROMOSI BAYAR CUKAI MBSP TAHUN 2021 & MENANG**

Dimaklumkan bahawa "**Promosi Bayar Cukai MBSP Tahun 2021 & Menang**" telah bermula pada 1 Disember 2020 dan akan tamat pada 28 Februari 2021. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2021 berserta tunggakan (jika ada) melalui **kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau saluran secara dalam talian (online) yang telah disediakan sahaja.** Sebanyak empat puluh (40) hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut :

<b>Kedudukan Hadiah</b>	<b>Jenis Hadiah</b>
Tempat Pertama	Wang Tunai RM10,000
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 5 hingga 10	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-11 hingga Ke-40	Pelbagai hadiah lain seperti alat telekomunikasi, peralatan rumah & elektrik.

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2021 berserta tunggakan (jika ada) melalui kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau saluran secara

dalam talian (online) yang telah disediakan bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai RM10,000

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

#### **4. PENGENAAN NOTIS E-TAKSIRAN PADSIA 2 MAC 2021**

Dimaklumkan pada 28 Februari 2021 (Ahad) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2021. Mulai 2 Mac 2021, Caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran melalui kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau saluran secara dalam talian (online) yang telah disediakan oleh MBSP.

Pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda, Kaunter Cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi.

#### **5. PENEMPATAN PENOLONG PENGARAH UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Anis Zulfa Binti Johari, Pegawai Perancang Bandar Dan Desa (Gred J41) berkelulusan Sarjana Sains Pengurusan Dan Pembangunan Bandar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah ditempatkan di Unit Pusat Setempat (OSC) berkuatkuasa 1 Februari 2021. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik- baiknya.

#### **6. SESI TOWN HALL PELANCARAN SOAL SELIDIK BAJET 2022 SECARA LIVE**

Dimaklumkan bahawa MBSP dalam proses merangka Bajet 2022. Oleh itu, Sesi *Town Hall* Soal Selidik Bajet 2022 Secara *Live* akan diadakan pada 26 Februari 2021 (Jumaat) jam 3.00 petang di

*Facebook Majlis Bandaraya Seberang Perai* . Sesi ini bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet tahun 2022 dengan mengisi soal selidik Bajet 2022 secara online bagi menambahbaik perkhidmatan MBSP. Oleh itu, saya ingin menjemput individu-individu, wakil-wakil komuniti, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan dan Swasta untuk turut serta dalam Sesi *Town Hall Pelancaran Soal Selidik Bajet 2022 di Facebook Live*.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**